

Warta suku tahun yang menghubungkan penerbitan sumber dalam BM dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia di Malaysia

Awake, East Malaysia!

Ada 365 orang peserta menghadiri Seminar Awake East Malaysia pada 5hb Julai 2011 lalu. Tema lagu "Bangkit dan Bersinarlah!" yang ditulis oleh beberapa belia dari Telupid, Sabah berkumandang menyeru para pengikut Kristus untuk bangkit, bersinar dan terhitung bagiNya di negara ini.

Selepas pengenalan ringkas tentang Wawasan Penabur, **Alfred Tais** berbicara dengan penuh semangat. Keadaan kini kian mendesak. Pencerobohan melalui pelbagai agensi adalah nyata. "Kita harus bangkit dan berjaga. Kalau tidak, kita akan tertidur selamanya," katanya.

Dr. Colin Nicholas berbicara tentang isu tanah dan pengislaman di kalangan Orang Asli. Sebagai seorang aktivis, Colin mengatakan Orang Asli bukan saja diIslamkan, tetapi juga diKristiankan dan diBahaikan! Isu tanah juga dihadapi oleh Orang Asal dari Sabah dan Sarawak. **Baru Bian** berbicara tentang Native Customary Land, dan pandangan Alkitab tentang hak tanah.



Lim Heng Seng pula berbicara tentang Hak Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian 18 Poin dan 20 Poin. Kita kemudiannya disedarkan dengan pencerobohan ke atas anak-anak kita oleh 'agama sebelah' melalui tabika dan tadika KEMAS. Ada 33 tabika dan 1,064 tadika yang tersebar luas di seluruh Sabah. "Ini akan ditingkatkan lagi melalui NKRA dan peningkatan itu bukan sesuatu yang kita dapat bayangkan," kata **Maklin Masiau**. Peserta juga dibangunkan dengan ketidak-tepatan buku teks sejarah sekolah menengah yang membawa kepada beberapa kemudaratan yang nyata.



PATI (Pendatang Tanpa Izin) ialah satu masalah besar. Dari tahun 1970 ke 2001, penduduk "Melayu" Sabah meningkat sebanyak 1,552% disbanding dengan 162% untuk KadazanDusun dan Murut, dan 344% untuk Bajau/Iranun. "PATI diberi IC sekiranya mereka memeluk I*lam. Dan mereka dianggap sebagai Melayu selepas masuk I*lam," ujar **Jubilee Apin**. "Data menunjukkan 11 orang masuk I*lam setiap hari di Sabah. Semuanya dilakukan tanpa kita sedari," katanya lagi.

Ranie Entan dari PIKJ berkongsi pengalamannya di Universiti Malaya. Dia terselamat dari tukar agama selepas dia bertemu dengan seorang Kristian yang membawanya ke gereja. Sesi pagi digulung oleh **Simon Petrus** (SIB Semenanjung) dan sesi petang pula digulung oleh **Oh Bee Leng** (DUMC).



Ada sekitar 380 orang hadir KKR sebelah malam melalui acara "Kembara Budaya merentasi Sabah & Sarawak". Ada 10 gereja yang terlibat dalam memimpin pujian dan tarian pelbagai suku Sabah & Sarawak. Awake, East Malaysia ditutup oleh **Bishop Melter Tais** pada jam 11:15 pm dengan mencabar umat Tuhan di Malaysia untuk bangkit, bersinar dan hidup terhitung bagi Kristus.

Shalom!

Kami mengucapkan syukur kepada Tuhan untuk Seminar, Dialog dan Persembahan Kebudayaan **Awake, East Malaysia** yang diadakan pada 7hb Julai 2011 di Dream Center, PJ.

Syukur juga kepada Tuhan untuk 16,000 naskah "**101 Cerita-Cerita Dari Alkitab**" yang telah disebar luas sejak Februari 2011.

Dan kini kami mengajak anda untuk mempertimbangkan untuk memberi bagi percetakan pertama **Alkitab Kanak-Kanak** (dan percetakan seterusnya) untuk membangun generasi pelapis Gereja BM di Malaysia.

Sesungguhnya, "Dia yang menyediakan benih bagi penabur... akan menyediakan benih bagimu dan melipatgandakannya dan menumbuhkan buah kebenarannya." (2 Kor 9:10).

Semoga Tuhan memberkati mu dan pelayananmu.

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:

Wawasan Penabur

P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, SELANGOR

Fax: 03-7727 7271

Email: wawasan.penabur@gmail.com

Website: www.wawasanpenabur.org

Akaun Bank kami :

- (1) Public Bank, Cawangan Kelana Jaya, Account No: 3127674507
- (2) CIMB Bank, cawangan Damansara Utama, Account No: 1250 000 7114 058

Bahan Sumber

Buku-buku yang telah diterbitkan oleh
Wawasan Penabur

- **Siri OBOR Belia (Buku 1-25)**
- **Pautan Iman**
- **Lakukan Apa Yang Benar**
- **101 Cerita-Cerita Dari Alkitab**



Layarilah laman web kami untuk mendapatkan maklumat tentang buku-buku Kristian dalam BM yang diterbitkan oleh penulis/penerbit lain.

Alkitab Kanak-Kanak

“Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya dia tidak akan menyimpang daripada jalan itu” (Amsal 22:6)

Kita telah mendengar, dan terus mendengar pelbagai cerita serta laporan bagaimana hampir setiap hari gereja BM di Sabah & Sarawak kehilangan anak-anak mereka kepada ‘agama sebelah’. Strategi sistematik itu bermula dari umur yang muda melalui tabika dan tadika KEMAS; sehinggalah syarat pemberian biasiswa di peringkat sekolah, kolej dan universiti. “Saatnya telah tiba bagi kamu untuk bangun dari tidur. Sebab sekarang keselamatan sudah lebih dekat bagi kita dari pada waktu kita menjadi percaya.” (Roma 13;11)

Kekurangan bahan sumber dalam BM untuk membangun iman anak-anak dan belia sangat terasa. Kekurangan Alkitab juga sudah menjadi satu krisis. Banyak anak-anak Kristian berbahasa BM tidak dapat menjangkau Alkitab sejak mereka lahir. Kita bergantung penuh kepada Alkitab Indonesia, tetapi bukan semua dapat mengerti sepenuhnya Bahasa Indonesia!

Suara hati kita tidak membenarkan kita menutup sebelah mata kepada keperluan 1.7 juta (65%) orang Kristian berbahasa Malaysia. Apakah langkah praktikal yang boleh kita ambil? Bagaimana dengan MEMBERI?

Tahun ini, Wawasan Penabur menumpukan perhatian kepada bahan sumber untuk keluarga dan kanak-kanak. Kami telah menerbit dan menyebarkan luas “101 Cerita-Cerita Dari Alkitab” sejak Februari 2011, dengan target 30,000 naskah sehingga akhir tahun ini. Saat ini, kami telah menyebarkan 16,000 naskah.

Kami sekarang sedang menyiapkan buku “Alkitab Kanak-Kanak” setebal 408 halaman yang dijadualkan akan terbit pada bulan Ogos/September ini. Dan ia akan disebar untuk persiapan Kempen “Satu Anak, Satu Alkitab” di bulan Oktober/November 2011 ini.

Kerana itulah Wawasan Penabur memerlukan sokongan kewangan daripada anda dan gereja anda untuk mencetak 10,000 naskah yang pertama. Kami berhasrat menyebarkan paling kurang 60,000 naskah sehingga akhir tahun 2012.

Jika anda percaya dan yakin bahawa kita harus mendidik kanak-kanak dan orang muda Kristian berbahasa Malaysia di negara ini, supaya iman mereka diperkuatkan, kami merayu supaya anda mempertimbangkan untuk memberi pada hari ini!



Beberapa ciri:

- 408 halaman penuh warna
- Meliputi cerita dan peristiwa utama dari Kejadian hingga Wahyu.
- Mesej Allah diperingkaskan untuk semua
- Teks diambil langsung dari Alkitab tanpa dicerita semula. Ini akan memastikan kanak-kanak dan orang muda membiasakan diri dengan Alkitab apabila mereka mula menggunakan Alkitab dewasa

Pengumuman

◆ Kami Memerlukan Ruang Pejabat/Gudang

Dengan lebih dari 28 tajuk dan ribuan Alkitab Kanak-kanak, kami kini menghadapi masalah ruang! Jika anda mempunyai rumah atau ruang pejabat kosong yang mahu digunakan untuk pelayanan, sila hubungi kami!